

## **GARIS PANDUAN PERMIT IKLAN SEMENTARA MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**

---

1. Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut;
  - i. Satu salinan kad pengenalan
  - ii. Satu surat kelulusan tuan punya tanah / bangunan
  - iii. Satu salinan pelan lokasi tempat pemasangan iklan
  - iv. Satu contoh iklan
  - v. Satu salinan perakuan pendaftaran syarikat (Borang M & A & Borang 49) atau Pendaftaran Perniagaan (Borang A atau B dan D)
  - vi. Satu salinan lesen premis perniagaan MPKj. (Jika berkenan)
  - vii. Bayaran proses RM 10.00
2. Bahasa Kebangsaan adalah wajib digunakan dan hendaklah berukuran tiga puluh peratus lebih besar daripada bahasa lain serta nahu yang betul.
3. Pemasangan banting dan banner hanya boleh dipamerkan di tempat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.
4. Pemasangan di jalan protokol adalah **DILARANG** kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Melesen.
5. Perlu mendapat sokongan daripada **Jabatan Kerja Raya (JKR)** jika pemohon menggunakan jalan dan tiang lampu jabatan berkenaan.
6. Pemohon adalah dilarang mempamerkan iklan minuman keras dan barang asas tembakau pada Banting dan Banner.
7. Penggunaan halal perlu mendapat pengesahan dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) atau mana-mana pihak berkuasa berkenaan.
8. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan pada banner, banting atau belon tuan / puan.